

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 1 DISEMBER 2021(RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan dasar mengendali kapal selam dan kapal perang nuklear dalam kawasan maritim Malaysia serta bilakah *ASEAN Defence Minister Meeting* akan membincang isu AUKUS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia merupakan sebuah negara maritim yang terletak di tengah-tengah laluan strategik antara Lautan Hindi dan Lautan Pasifik. Kedua-dua lautan ini dihubungkan melalui Selat Melaka dan Laut China Selatan yang merupakan laluan utama untuk perdagangan antarabangsa. Oleh itu, keselamatan di Laut China Selatan dan Selat Melaka adalah amat penting bagi kemakmuran Malaysia yang banyak bergantung kepada import dan eksport menggunakan laluan laut.

Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tentang Undang-Undang Laut (UNCLOS) 1982 membenarkan laluan transit secara *innocent passage* bagi semua kapal termasuk kapal perang dan kapal selam berkuasa nuklear di perairan antarabangsa termasuk di zon ekonomi eksklusif (ZEE).

Walau bagaimanapun, sekiranya kapal perang atau kapal selam berkuasa nuklear berhasrat memasuki kawasan perairan wilayah (12 batu

nautika), bertujuan untuk berlabuh di pelabuhan Malaysia, atau bertujuan melaksanakan eksesais bersama Angkatan Tentera Malaysia, ianya perlu terlebih dahulu mendapat persetujuan khas daripada Kerajaan Malaysia yang mana ia akan dipertimbangkan secara *case-by-case basis* (dengan izin).

Sebagai sebuah negara yang berkecuali, Malaysia sentiasa mengutamakan hubungan yang baik dengan semua negara. Kerajaan akan terus menjalinkan kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara di Asia Tenggara dan negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China. Ingin ditegaskan bahawa hubungan baik dengan mana-mana negara tidak akan menjejaskan atau mencemar kedaulatan negara.

Saya telah menyuarakan pendirian Malaysia selaras dengan kenyataan YAB Perdana Menteri berhubung penubuhan kerjasama tiga hala antara Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat (AUKUS) dalam Mesyuarat Pemukiman Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM Retreat) pada 10 November 2021.

Saya telah menekankan bahawa Malaysia memegang prinsip untuk mengekalkan ASEAN sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) dan Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ). Malaysia berpandangan persefahaman semua negara ASEAN adalah penting untuk kita menghadapi apa jua cabaran dan ketika berhadapan dengan kuasa besar. Negara-negara luar perlulah menghormati pendirian ASEAN serta mematuhi dasar dan undang-undang Malaysia terhadap semua aset tentera asing termasuk yang berkuasa nuklear di Zon Maritim Malaysia, selaras dengan undang-undang negara dan Konvensyen UNCLOS 1982.

Terima kasih.